

26/04/2003

KDN perketat pemeriksaan kemasukan majalah luar

Wan Jailani Razak; Ahmad Ghazali Musa; Hussain Said

JOHOR BAHRU: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memperketatkan pemeriksaan terhadap kemasukan majalah luar negara bagi mengelak penyebaran maklumat yang boleh menjejaskan imej pemimpin dan negara.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata KDN

lazimnya meneliti setiap majalah asing sebelum pengedarannya dibenarkan, tetapi kadang kala `terlepas juga'.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penapisan terhadap majalah The Economist yang edisi 5 April lalu mengkritik keras kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi sebuah rencananya.

Pada sidang media selepas mendengar taklimat mengenai projek pembangunan

Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) di sini, semalam, Abdullah bagaimanapun berkata, ketika ini kerajaan tidak bercadang mengambil sebarang tindakan terhadap majalah itu.

"Apa yang penting kita akan lebih berhati-hati pada masa akan datang supaya majalah seumpama ini tidak menyiarkan laporan dan pembbohongan yang

boleh menjejaskan imej pemimpin dan negara," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan sudah menarik balik pengharaman sebuah kitab Injil dalam bahasa Iban yang dikatakan menghina Islam berkuat kuasa serta-merta.

"Saya sudah berjumpa dengan mereka dan mereka mengatakan ini adalah perkataan yang digunakan dalam bahasa Iban dan sudah lama sebutan (alatala) diguna pakai.

"Perkataan ini sudah ada dalam kitab Injil mereka dalam bahasa Iban pula, maka saya tidak nampak mengapa kita patut kekalkan tindakan untuk mengharamkan buku itu," katanya.

Mengenai seorang pegawai kanan polis yang dikatakan terbabit dalam penyalahgunaan kuasa, Abdullah berkata: "Siasatan masih diteruskan dan sejauh mana yang saya tahu pegawai terbabit belum digantung".

Di BAHAU, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim,

tidak menolak kemungkinan The Economist, mempunyai agenda tertentu berdasarkan kritikan kerasnya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap majalah itu kerana artikel itu berbentuk tulisan politik,"

katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Sungai Lui, semalam.

Di PORT DICKSON, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, menyifatkan kritikan majalah itu bertujuan menutup malu.

"Perdana Menteri selalu membuktikan segala tindakan yang diputuskan betul dan tepat, sekali gus menafikan kritikan yang sering dilemparkan pihak tertentu, termasuk The Economist.

"Jadi, kerana tidak mahu kredibiliti mereka terjejas, mereka akan mencari apa saja isu dan melemparkan kritikan terhadap Perdana Menteri

untuk menutup malu mereka," katanya selepas majlis Penyampaian Anugerah Perladangan Kumpulan Guthrie Berhad 2003 di Pusat Perladangan, Ladang Sua Betong.

Dalam rencana keluaran 5 April lalu, The Economist mengkritik keras Dr Mahathir dengan menyifatkan bakti terbaik yang boleh disumbangkan Perdana Menteri kepada Malaysia selepas sekian lama adalah dengan bersara buat selama-lamanya.

Di LANGKAWI, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Langkawi, menyifatkan Dr Mahathir sebagai seorang nasionalis yang berpandangan jauh.

Mengambil contoh pembinaan Jambatan Pulau Pinang pada 1987, Najib berkata, idea Perdana Menteri itu kini diakui amat bermanfaat walaupun ia pernah didakwa satu projek membazir oleh pelbagai pihak.

"Saya mengikuti perjuangan Dr Mahathir selama ini. Kerana saya boleh dikatakan sudah 27 tahun dalam Umno sejak 1976 pada umur 22 tahun. Sehingga rambut saya kini beruban, saya masih aktif dalam Umno di peringkat dan sekarang di peringkat Pusat.

"Saya dapat menilai Dr Mahathir seorang pemimpin yang bukan berfikir untuk hari ini tetapi untuk masa depan. Beliau juga bukan berfikir untuk dirinya tetapi untuk generasi akan datang," katanya.